

# **GURU PENERAJU TRANSFORMASI WARGA**

**NIK HASSAN BASRI NIK ABD KADIR**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **Abstrak**

Guru bertanggungjawab membakar semangat warga agar bangun dan menjadi penerus perjuangan bangsa dan negara. Guru berperanan sebagai peneraju, pemimpin dan pemegang kunci transformasi. Untuk menjadi peneraju perubahan, guru harus terlebih dahulu melakukan transformasi dari dalam diri guru itu sendiri. Guru harus bersedia menjadi model cerminan. Malahan, sekali guru melakukan transformasi dalam dirinya, seterusnya roda perubahan akan bergerak dengan sendirinya. Jadi, guru harus secaraikhlas bersedia untuk memikul tanggungjawab negara dalam mentransformasikan warga agar selari dengan matlamat negara, iaitu melahirkan insan kamil yang berilmu, berpengetahuan, berkemahiran berketerampilan demi keluarga, bangsa, agama dan negara.

Kata kunci: Guru; Peneraju; Pemimpin; Warga; Transformasi.

## **PENGENALAN**

Guru ialah setiap orang yang mendedikasikan seluruh hidupnya dan bercita-cita untuk menatar dan mendidik warga dan orang-orang di sekitarnya agar dapat menjadi tunas-tunas warga yang akan tumbuh dan menjadi pembangun warganegara. Guru yang berdiri di depan kelas mampu melaksanakan cita-citanya, membakar semangat dan inspirasi warga agar bangun dan menjadi penerus perjuangan bangsa dan negara. Gurulah yang memegang peranan sebagai pemimpin dan pemegang kunci transformasi. Sebagai contoh di bawah ini dikemukakan sebuah sajak yang digubah dengan bahasa yang indah tentang peranan guru yang begitu besar untuk kemajuan negara, yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara Usman Awang yang bertajuk "Guru O Guru".

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa  
Jika hari ini seorang raja menaiki takhta  
Jika hari ini seorang residen sebuah negara  
Jika hari ini seorang ulama yang mulia  
Jika hari ini seorang peguam menang bicara  
Jika hari ini seorang penulis terkemuka  
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;  
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa  
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca....

Jika peranan itu dilaksanakan dengan baik oleh guru, maka semua persoalan warga akan dapat diselesaikan. Oleh itu, untuk menjadi peneraju perubahan, guru harus melakukan transformasi dari dalam dirinya sendiri terlebih dahulu. Maknanya guru tidak wajar dan tidak selayaknya meminta pihak mana pun untuk mentransformasikan guru. Transformasi mesti datang dari dalam diri guru itu sendiri. Guru harus bersedia menjadi model cerminan (Andrews, D. & Lewis, M., 2002). Malahan, sekali guru melakukan transformasi dalam dirinya, seterusnya roda perubahan akan bergerak dengan sendirinya. Hal ini kerana transformasi ialah suatu proses dan bukan sekadar kejadian (Ahmad, R. et. al., 2009). Guru tidak bergantung kepada pihak lain dalam mentadbir urus pengajaran tetapi pihak lain yang bergantung pada guru. Para guru digesa menghentikan sikap kebergantungan kepada pihak lain dalam menggerakkan transformasi warga.

Gurulah yang berupaya memulakan pergerakan warga kerana gurulah yang selayaknya menyelesaikan masalah pendidikan, bukan pihak lain. Pihak lain hanya membantu, mengurus dan mengelola pengurusan pendidikan. Sebaliknya, guru mesti secara ikhlas bersedia dan sanggup melayan karenah dan masalah daripada setiap orang muridnya tanpa mengambil kira masalah itu berat atau sebaliknya (Nik Hassan Basri, 2007b: 255). Malahan, tanggungjawabnya dalam memberikan pendidikan itu akan lebih bermakna jika dibandingkan dengan titik peluh yang keluar pada setiap saat. Bahkan, peranan yang dijayakan oleh guru dalam mentransformasikan warga Malaysia amat bermakna kerana selari dengan matlamat negara adalah untuk melahirkan insan kamil yang berilmu, berpengetahuan, berkemahiran berketerampilan demi keluarga, bangsa, agama dan negara (*Ibid*). Bagi mencapai matlamat tersebut, guru bukan sahaja mesti berpengalaman dan berkemahiran dalam mengajar subjek yang diamanahkan kepadanya tetapi pandai memainkan peranannya termasuklah menggunakan daya kreativitinya untuk memilih dan mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran agar menarik dan

sesuai dengan kebolehan muridnya dan senantiasa bersiap sedia untuk menokok tambah langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran agar langkah-langkah yang diambilnya itu menjadi lebih bermakna, menarik dan berkesan (Ashby, E., 2011b).

Sehubungan dengan itu, artikel ini akan mengutarakan beberapa aspek yang ada kaitan dengan peranan guru sebagai peneraju agen transformasi warga, motivator, model cerminan, dan beberapa lagi. Jadi sebagai peneraju yang akan menjayakan transformasi warga Malaysia, peranan guru bukan sekadar sebagai pendidik yang menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan subjek yang diajarnya tetapi juga sebagai penggerak, penggalak, karyawan, penatar dan pencerita yang setia kepada murid.

## AGEN TRANSFORMASI WARGA

Kualiti pendidikan sebuah bangsa atau warga itu bergantung pada kualiti gurunya dan kualiti guru pula ditentukan oleh kemahuan, keinginan dan niat guru itu sendiri dalam meningkatkan kualitinya. Secara analoginya, jika guru telah memiliki kualiti sebagai guru profesional, segala keperluan kurikulum dapat dipenuhinya. Hal ini kerana seorang guru profesional, umpama seorang tukang masak yang mahir yang dapat diminta untuk membuat segala jenis masakan apa pun dengan bahan dan peralatannya yang ada. Malahan seorang tukang masak yang mahir itu dapat membuat sebarang masakan yang sedap meskipun bahan dan peralatannya terbatas. Begitu juga dengan guru. Sebagai peneraju agen transformasi warga, guru harus terlebih dahulu menjadi agen perubahan bagi dirinya sendiri sebelum bercita-cita dan mahu menjadi agen perubahan bagi warga. Guru harus dapat menjadi penggerak utama dalam kebangkitan transformasi negara kerana guru ialah pemimpin warga. Hal ini bersesuaian dengan ungkapan yang berbunyi, '*Let's take the lead now because we, teacher, are leaders'* (Ahmad, 2009:3). Guru harus bekerja bahu-membahu dalam meleraikan permasalahan pendidikan, bukan saling bersaing dan mencurigai antara satu sama lain. Guru mesti bersikap positif, mesti rajin dan tidak malas, bekerjasama, bijak dan tidak bodoh, ikhlas, jujur dan amanah. Guru mesti memerangi ketidakjujuran, kebergantungan, kemalasan, dan kebodohan. Kebodohan jelas sekali membuat manusia itu menjadi terhina. Demikian juga dengan kemalasan kerana kemalasan menjadi kawan rapat kebodohan. Kebodohan itu bermula daripada kemalasan. Oleh itu, guru mesti melawan kebodohan diri sendiri agar dapat bangkit menjadi pemimpin yang berupaya melakukan perubahan.

Sebagai pemimpin warga, guru harus meningkatkan pengetahuan dan keterampilan dalam melaksanakan tugasnya, baik sebagai guru di kelas atau peneraju perubahan dalam masyarakat secara sistematis dan terpadu. Guru harus memiliki kapasiti

dan kompetensi yang memadai dengan keperluan masa depan. Maknanya, guru harus menguasai kemanfaatan internet sebagai media dalam segala urusan dunia moden. Dengan penguasaan yang sedemikian itu, maka guru dapat pula membantu dalam menghasilkan warga yang bukan sahaja mengenal dan menggunakan internet sebagai media pembelajaran tetapi kompatibel dengan keperluan dunia baru yang mensyaratkan kemampuan dan kompetensi internet akan terhasil.

Sehubungan dengan itu, guru harus bersedia membuat perubahan diri, termasuklah mempertingkatkan bukan sahaja sensitiviti dan kreativiti pedagoginya malahan bersedia untuk melakukan dan merealisasikan kegiatan peningkatan diri seperti menyertai secara aktif seminar, forum, diskusi, pameran pendidikan, konferensi, dialog di pentas, radio mahupun di televisyen, lawatan kerja dan yang selainnya yang sesuai dengan kapasiti masing-masing (Andrews, D. & Lewis, M., 2002).

Selain itu, ketidakjujuran yang menjadi antitesis daripada semua hal yang baik merupakan penyakit yang harus dihindari oleh para guru, khususnya jika guru ingin membangunkan warga dan menjadi pelopor transformasi. Ketidakjujuran mesti tiada dalam diri guru. Sikap jujur dan amanah merupakan emas yang berharga pada diri setiap guru. Tanpa kejujuran, maka tiada erti yang ada yang dikerjakan oleh guru. Oleh itu, guru harus memulainya sebelum bangkit menjadi agen perubahan bagi warga. Guru mesti sedar bahawa dirinya ialah peneraju transformasi dan pihak lain dapat membantu proses perubahan itu tetapi motivasi, daya dan keinginan untuk berubah itu harus datang daripada diri kita, para guru sendiri. Motivasi untuk berubah itu tidak harus dipaksa-paksa dan didorong oleh yang pihak lain. Hal ini kerana cita-cita untuk menjadi guru yang merupakan pilihan peribadi dan bukan kerana keterpaksaan itu harus benar-benar hidup dalam pegangan dan prinsip masing-masing. Dengan demikian, maka tidaklah diragui lagi akan peranan guru yang mampu menjadi penggerak utama dalam kebangkitan transformasi negara kerana gurulah pemimpin warga. Contohnya dalam sajak "Seorang Guru Tua", penyajak mencatat perihal seorang guru, mengangkat keperibadian dan kegigihannya yang banyak berjasa mendidik murid-muridnya sehingga berjaya dalam hidupnya sebagai menteri dan orang kenamaan, sedangkan guru itu terus berbakti tanpa jemu:

Guruku yang baik  
masih di situ  
masih memandu kereta lama  
masih menuju sekolah yang sama

tiada kelihatan jemu  
dari air mukanya  
tiada kedengaran bosan  
dari suara bibirnya  
dia gigih menggenggam  
tanggungjawab yang diamanahkan.

(Sehijau Warna Daun, 2002:12)

## **GURU SEBAGAI MOTIVATOR**

Guru yang berfungsi sebagai motivator mampu melaksanakan transformasi terhadap warga. Sebagai motivator, guru harus sedar bahawa motivasi dalam pembelajaran sangat penting terutama dalam mencapai matlamat pembelajaran (Nik Hassan Basri, 2005:363 dan 2007b:258). Hal ini kerana guru berperanan untuk memberikan dan mewujudkan bimbingan dan motivasi kepada muridnya. Jelasnya lagi yang memetik kenyataan Slavin bahawa "*students who are academically unmotivated to learn do not learn*" (dlm. Nik Hassan Basri, 2005: 363). Maknanya, guru harus faham hakikat murid yang bermotivasi lebih dedikasi dan bersungguh-sungguh dalam tindakan dan lebih 'komited' daripada murid yang tidak bermotivasi. Dalam proses pengajaran, perkara yang amat sukar bagi kebanyakan guru ialah bagaimana untuk mencetuskan perasaan dan menimbulkan keinginan murid agar merangsangnya untuk melibatkan diri dalam pembelajaran dan mengekalkan minat mereka dalam perkara-perkara yang dipelajari. Murid yang bermotivasi ialah murid yang menaruh minat untuk belajar. Malahan, mereka yang bermotivasi ialah mereka yang mendengar dan yang memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran. Bahkan dalam beberapa kajian yang pernah dijalankan mendapati bahawa murid yang aktif di dalam dan luar kelas ialah golongan murid yang mudah dan cepat peka serta bersedia menerima arahan guru. Mereka boleh berdikari dan suka memberikan pandangan dan pendapat di dalam kelas. Murid-murid yang sedemikian biasanya mempunyai daya gerakan dalam dirinya untuk mencapai kecemerlangan akademik dan juga dalam hidup secara keseluruhannya. Pihak lain dapat membantu proses perubahan. Demikianlah dengan guru yang berperanan mentransformasikan warga. Oleh itu sebagai motivator, maka guru perlu memainkan peranannya sebagai agen transformasi, fasilitator dan penunjuk ajar untuk membangkitkan dorongan warga agar proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung menjadi lebih berkesan, bermakna dan menyeronokkan.

## GURU MODEL CERMINAN

Guru ialah model cerminan warga. Sebagai model cerminan, guru paling sesuai untuk dicontohi dan diteladani oleh murid-murid. Hal ini kerana guru mampu melaksanakan transformasi terhadap warga. Jadi, untuk membuktikan kesesuaian itu, guru haruslah senantiasa bersedia untuk menunjukkan tingkah laku, tutur kata dan gaya berpakaian yang sesuai, sopan dan beradat baik di depan kelas, di luar kelas dan di mana-mana sahaja tanpa dibatas waktu. Sehubungan dengan itu, guru hendaklah memainkan peranannya yang bukan sahaja bersedia untuk mempamerkan contoh dan teladan yang bermaruah, terpuji, dan mulia kepada murid-murid, sebagaimana seorang tukang gunting yang harus terampil, bersih badan dan pakaianya (Andrews, D. & Lewis, M., 2002). Jika tukang gunting itu berbau badannya tentu tiada pelanggan yang mahu mendekatinya. Oleh itu, kaedah yang sesuai diperagakan guru adalah dengan cara mempamerkan pelbagai perwatakan yang mempunyai nilai-nilai murni yang terpuji dan terbilang, di samping bersedia untuk berdampingan dan bergaul dengan murid-muridnya (Nik Hassan Basri, 2007b: 263).

Apabila berada di dalam bilik darjah, guru mempunyai peluang untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada murid-muridnya. Pertamanya, dalam masa pengajaran dan pembelajaran, guru hendaklah mengaplikasikan mana-mana perwatakan yang terpuji, bermoral dan mulia. Cara guru mengaplikasikan perwatakan yang mulia tentunya akan membangkitkan minat murid-murid untuk meniru, mencontohi dan meneladaninya. Malah, apabila guru mampu memainkan peranannya sebagai model kepada murid-muridnya, secara langsung murid-muridnya akan tertarik dan mengikuti perwatakan guru mereka. Dengan demikian, contoh dan teladan yang baik itu dapat ditiru murid-murid dan mengambil nilai-nilai moral yang murni yang ada dalam perwatakan guru untuk diterapkan pula ke dalam diri masing-masing. Hal ini kerana semua tingkah laku guru akan menjadi ikutan murid-murid (*Ibid*).

Setiap orang guru mestilah bertindak dan berkelakuan sopan dan selaras dengan apa yang dikatakan, yang diajarkan dan yang ditunjukkan kepada murid-muridnya. Dengan demikian, guru haruslah melakukan pelbagai perwatakan agar dapat ditunjukkan kepada murid-muridnya bahawa seorang guru itu mempunyai tingkah laku dan perwatakan yang baik dan terpuji. Janganlah kemudiannya, guru digelar seperti 'ketam mengajar anaknya berjalan betul' yang menyebabkan murid-muridnya memiliki sahsiah yang kurang baik (Nik Hassan Basri, 2005:351 dan 2007b:264). Oleh itu, guru harus menjadi model cerminan yang mampu mempamerkan pelbagai perwatakan yang baik apabila berhadapan dengan murid-muridnya agar pada suatu waktu yang akan datang dan waktu yang lainnya murid-

murid memiliki sahsiah dan nilai murni yang diharapkan. Contohnya dalam sajak "Bicara Buat Guru" oleh Mohd. Ridzuan Harun yang cuba mengungkapkan penghargaannya terhadap jasa dan sumbangan guru serta menyentuh nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Malahan, penyair cuba memperlihatkan hasratnya untuk mencontohi, bahkan untuk sering bersama dengan gurunya, sebagai tanda terima kasih dan memuliakan segala pengorbanan gurunya itu. Hal ini diperlihatkan melalui gaya bahasa pengulangan, iaitu pengulangan kata atau baris "ingin sekali aku", yang diulangi sebanyak lima kali untuk dipadankan dengan baris-baris rangkap yang lain:

### **Bicara Buat Guru**

Ingin sekali aku  
berdiri tegak di persadamu  
mengenal setitik budi  
menghirup secangkir kasih.

Ingin sekali aku  
berdiri di anjung kasihmu  
memetik sebuah keikhlasan  
menghampar selautan harapan.

Ingin sekali aku  
bersamamu menyanyi lagu mesra  
bertepuk utuh pasakmu teguh  
ini anak-anak merdeka  
perlu kaumerdekakan jiwanya.

Ingin sekali aku  
berada di takhta muliamu  
mengisi kekosongan dada anak-anak bangsa  
mendukung keagungan, melempar gusar  
daripada jiwa anak didikmu.

Ingin sekali aku  
berkongsi kerinduanmu  
tatkala mereka tidak bersamamu

bangga dengan mutiara  
berjabat erat, bersapa mesra  
ketika kau ketemu mereka di jalanan.

**Mohd. Ridzuan Harun**

*Perjuangan, 1996.*

Dewan Bahasa dan Pustaka.

(*Seuntai Kata untuk Dirasa, 2002: 21*)

## GURU SEBAGAI AGEN PENGERAK

Guru sebagai penggerak ialah guru yang dapat menggerakkan dan membangkitkan rasa ingin tahu murid terhadap segala aspek yang akan dipelajarinya. Di sini guru haruslah pandai mencetuskan perasaan ingin tahu murid-muridnya sebelum memulakan pengajarannya lagi. Dia harus bersedia dan menyusun perancangan dan persediaan mengajarnya dengan awal. Dalam induksi setnya, guru boleh memulakan pengajarannya dengan mengemukakan sesuatu yang menghairankan, menakjubkan atau menggembirakan murid-muridnya (Nik Hassan Basri, 2007b:256). Misalnya, guru boleh membuka minda muridnya dengan bertanya tentang senario dunia abad ke-21 yang menggelarkan dunia dengan pelbagai gelaran seperti 'Globalisasi', 'Dunia Tanpa Sempadan', 'Open Sky Policy', 'Pascamodenisme', 'Pasca -11 September' dan sebagainya. Fakta-fakta seperti 'Tujuh Benda Ajaib di Dunia', 'Taj Mahal', 'Tsunami', 'Kejadian Pengeboman Menara Kembar (WTC) di Amerika', 'Black Monday: Tak Bai', 'Perang Afghanistan', filem yang menggembirakan seperti 'Diari Seorang Puteri' boleh menimbulkan perasaan ingin tahu murid. Malah muzik juga dapat dijadikan sesuatu yang menggembirakan dan dapat dijadikan induksi set sesuatu pengajaran.

Selain itu juga, apa yang dimaksudkan dengan guru sebagai penggerak ialah kebolehan, keupayaan, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh guru itu dapat menggerakkan dan menarik perhatian murid. Minat dan perhatian murid-murid perlu dikekalkan oleh guru sepanjang masa pengajaran dan penerangannya. Pada masa ini guru hendaklah bersedia untuk membentuk tahap konsisten murid dalam pembelajaran. Salah satu caranya adalah dengan mengemukakan pelbagai soalan yang berkaitan dengan fakta yang dibentangkan. Guru juga boleh mengulangi penerangan, meminta dan menyuruh murid-murid untuk menyebutnya beramai-ramai atau berkumpulan besar mahupun berkumpulan kecil beberapa fakta penting. Semasa proses pengajaran dan

pembelajaran, guru boleh juga waima menulis dan mencatatnya sendiri atau meminta salah seorang daripada murid-muridnya untuk melaksanakan tugas itu di papan hitam dengan tulisan yang kemas dan menarik, berwarna atau perkataan yang penting itu ditulis besar-besar hurufnya supaya dapat dibezaikan oleh setiap orang murid (Nik Hassan Basri, 2005:327).

Selanjutnya, pergerakan guru juga harus lincah, malah suara guru perlu jelas sebutannya, terang, kuat, bertenaga dan berintonasi. Malahan untuk menjadikan atau mewujudkan pengajaran dan pembelajarannya pada hari itu agar lebih bermakna, lebih bertenaga, lebih hidup, segar, tidak membosankan dan menarik, guru juga perlu berjenaka, *humorous* atau mempunyai *sense of humor* (Nik Hassan Basri, 2007b:257). Salah satu sifat yang amat digemari oleh murid-murid ialah guru yang pandai berjenaka, inovatif, kritis dan kreatif. Bahkan, semua guru harus sedar bahawa sifat guru yang disukai oleh murid ialah guru yang pandai berjenaka atau mempunyai *sense of humor*, menjadikan masa pembelajaran menarik, penguasaan pengetahuan yang tinggi dalam bidangnya, dapat menerangkan fakta dengan jelas, dapat meluangkan masa untuk membantu murid dalam pembelajaran, bersikap adil kepada semua murid, melayan murid sama seperti orang dewasa, mempunyai hubungan yang mesra dengan murid, prihatin terhadap perasaan murid dan akhir sekali ialah tidak bersikap pilih kasih antara murid yang pandai dengan yang kurang pandai. Oleh itu, guru harus mengetahui, sedar, peka dan memahami fokus bahawa dirinya ialah penggerak yang berupaya dan mampu menggerakkan dan meningkatkan penguasaan pengetahuan dalam kalangan murid-muridnya.

## **GURU SEBAGAI PENGGALAK**

Guru sebagai penggalak ialah guru yang dapat memberangsangkan minat murid-muridnya dan menggalakkan penglibatan mereka agar dapat menumpukan perhatian kepada setiap pengajarannya semasa berada di dalam kelas. Guru seharusnya memfokuskan segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggalakkan murid-muridnya agar mereka dapat meneliti, menyedari, menikmati dan menghayati kandungan pelajaran yang berkaitan (Nik Hassan Basri, 2005:365). Jadi, untuk menggalakkan minat murid, guru hendaklah merancang persediaan mengajar, menyusun dan menyediakan aktiviti yang boleh melibatkan penyertaan murid. Misalnya, jika guru yang menjadi penggalak itu ialah guru bahasa dan kesusastraan Melayu, maka, aktiviti yang dapat dilaksanakannya bagi setiap orang murid adalah seperti aktiviti lisan yang boleh diadakan pada setiap masa dan ketika. Antara aktiviti lisan yang dapat diadakan ialah aktiviti bernyanyi, berlakon dalam

kumpulan kecil, berbincang, bercerita, berbual dan membuat projek. Daripada segi aktiviti fizikal, guru boleh meminta murid tampil ke hadapan kelas untuk membuat demonstrasi, memilih kad jawapan dan sebagainya. Kebolehan guru untuk menggalakkan, memandu dan membimbing murid memerlukannya memahami perasaan muridnya terhadap dirinya, mengetahui perkara yang diminati murid dan mengenal pasti tugas yang membolehkan muridnya mencapai pengalaman yang berjaya atau '*sense of achievement*' untuk menimbulkan minat murid terhadap pembelajaran (Nik Hassan Basri, 2007b:258). Selain itu, guru seharusnya menggalakkan murid-muridnya agar dapat membina matlamat pembelajaran yang realistik. Dalam teori motivasi ada ditegaskan bahawa kejayaan untuk membina matlamat pembelajaran yang realistik adalah dengan membangkitkan motivasi yang sepadan dengan kebolehan. Menurut kajian yang dibuat bahawa orang-orang yang berjaya biasanya meletakkan matlamat pencapaian pada tahap yang sederhana kerana kegagalan boleh mematikan motivasi (*Ibid*). Oleh itu, guru harus menggalakkan murid-muridnya agar dapat membina matlamat pengajaran dan pembelajaran yang sepadan dengan kebolehan mereka kerana perkongsian kebolehan mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan dalam kelas (Andrews & Lewis, 2002).

## GURU SEBAGAI KARYAWAN

Guru sebagai karyawan ialah guru yang dapat memainkan peranannya sebagai peneraju dalam penulisan. Guru harus menghasilkan penulisan waima cerita kreatif atau yang bukan kreatif dan berusaha untuk menerbitkannya. Sebagai peneraju perubahan, guru harus melakukan transformasi dari dalam dirinya sendiri terlebih dahulu sebelum murid-muridnya menyusurinya. Malahan, guru seharusnya menjadikan para pengkarya, penulis dan sasterawan yang berjaya sebagai pendorong atau idola agar menimbulkan semangat untuk mencipta sesbuah penulisan.

Apabila seorang guru itu dikaitkan dengan seorang sasterawan, maka guru itu harus faham bahawa sasterawan ialah orang yang banyak menghasilkan penulisan tentang karya-karya kesusastraan seperti genre novel, cerpen, sajak, syair, drama dan sebagainya. Karya-karya yang dihasilkan ialah kelangsungan daripada proses memahami, mencerna dan merumuskan sesuatu idea yang berlandaskan kepada nilai-nilai yang diyakini terbit daripada *world view* tertentu dan hasil daripada tanggapan serta pengalaman yang dilalui (Nik Hassan Basri, 2007b:259). Hal ini bermakna seorang guru yang ingin menjadi pengkarya perlulah selalunya sensitif dan peka dengan keadaan sekeliling serta mampu untuk memberi tumpuan kepada masyarakat. Bahkan, guru haruslah memiliki jiwa yang cukup sensitif sehinggakan karya-karya yang dihasilkannya nanti boleh menyebabkan

seseorang yang membacanya itu mudah terpengaruh dengan gagasan, pemikiran, dan ideologi yang dibawanya.

Di samping itu, guru yang ingin menjadi pengkarya haruslah *associate* dengan isu-isu semasa waima yang bercorak agama, patriotik, cinta, kehidupan dan sebagainya. Hal ini sebenarnya dapat menjadi dorongan kepada diri sendiri dan rakan guru subjek yang lain agar nanti dapat diketengahkan pula kepada pembaca atau murid-muridnya. Sehubungan dengan itu, seseorang guru tidak harus mengarang rencana, laporan atau menulis karya-karya kesusasteraan sahaja. Penghasilan karya kreatif dan bukan kreatif yang berterusan perlu untuk mematangkan dan meningkatkan lagi mutu penulisannya. Seorang pengarang yang bernilai positif dan baik ialah pengarang yang mampu memberi manfaat kepada dirinya dan mahajana serta melaksanakan tanggungjawabnya dengan mengarang apa yang benar sahaja. Sebelum itu, guru haruslah mengkaji dahulu apa yang hendak dikarangnya. Sekiranya dia bercadang untuk mencipta karya penulisan kreatif seperti novel, drama atau cerpen, maka seharusnya dia jujur dan ikhlas dalam penulisannya, iaitu menyampaikan mesejnya dengan niat hati yang ikhlas semata-mata untuk menyedarkan masyarakat dan berkongsi idea atau fikiran (*Ibid*).

Selain itu, seseorang guru yang berdisiplin dan beretika sedar bahawa untuk menjadi pengarang yang komited dengan tulisannya serta yang bermaruah, dia tidak patut membuat kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti mengambil petikan daripada pengkarya lain atau meniru bulat-bulat hasil karya penulis lain itu tanpa menyatakan sumbernya (plagiat). Seseorang yang bergelar guru, baik guru Kesusasteraan Melayu atau yang bukan guru Kesusasteraan Melayu yang jujur yang ingin atau yang menjadi pengarang haruslah ada kefahaman dalam dirinya bahawa dia tidak sama sekali menciplak karya penulisan daripada penulis lain walau di mana sekalipun karya oleh penulis lain itu dihasilkan atau diterbitkan (Nik Hassan Basri, 2007b:260). Hal ini kerana seorang guru yang menjadi pengkarya harus sedar bahawa bukan sahaja dirinya seorang pengkarya, tetapi dia juga ialah seorang pemikir, seorang intelektual, seorang ilmuwan, seorang kreatif dan seorang idealis yang menulis berdasarkan kreativiti, sensitiviti, daya persepsi, kecekapan, pemikiran, khayalan, pengalaman, kemampuan, kebijaksanaan, kebitaraan dan keupayaan sendiri.

Perbuatan menciplak atau meniru penulisan pengkarya lain ialah salah satu aktiviti yang tidak sopan dan tidak baik serta boleh menjatuhkan maruah penulis itu sendiri (*Ibid*). Kalau hal tersebut dibuatnya, sudah pasti dia akan malu kepada murid-muridnya atau pembaca lain. Oleh itu, seandainya guru itu memiliki atau mempunyai ilham atau idea dan bercita-cita untuk menghasilkan penulisannya sendiri, maka dia eloklah mengetengahkan

keaslian idea dan penulisannya itu dengan stail, laras bahasa, pengolahan dan mutu penulisan yang tersendiri supaya nanti mampu meletakkan kepercayaan dan membina keyakinan yang mendalam di jiwa setiap pembaca.

Jikalau guru melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengkarya yang bermaruah, maka murid-murid dan para pembaca lain tidaklah berasa sangsi, was-was dan ragu-ragu akan segala karya penulisan kreatif dan bukan kreatif yang telah dihasilkannya. Pengkarya yang bermaruah dan berakhhlak baik ialah pengkarya yang berupaya untuk menghasilkan penulisan yang mampu merangsang pemikiran pembaca ke arah kebaikan (Nik Hassan Basri, 2007b:261). Oleh itu, guru perlu menjadikan dirinya seorang karyawan yang berdisiplin dan beretika.

## **GURU SEBAGAI PENATAR**

Di sekolah dan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran, guru haruslah tahu dan sedar bahawa sepanjang masa dia ialah penatar kepada murid-muridnya. Malah dalam hal ini, sebagai seorang guru yang berkesan, dia seharusnya menjadi penatar yang bersifat pemudah cara kepada murid-muridnya. Dengan ini, guru tidaklah sewajarnya hanya menjadikan pihak lain atau murid-muridnya, sebagai insan yang mahu segala pendapatnya sahaja yang wajar dipatuhi dan didengar. Dengan kesedaran dan kefahaman itu, diharapkan bakal guru dan para guru tidak mengambil kesempatan untuk memaksa murid-muridnya terhadap sesuatu pengajarannya. Hal ini membawa maksud bahawa guru haruslah bersedia untuk memberi kepercayaan kepada murid-muridnya bagi menyampaikan pendapat dan fikiran sendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran waima di kelas atau di luar kelas termasuklah di luar waktu persekolahan. Pendekatan yang digunakan ini merupakan salah satu ciri pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid.

Kalau mengikut strategi pembelajaran berpusatkan murid, guru akan bertindak sebagai penatar dalam sesuatu pembelajaran. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran jenis ini murid akan memainkan peranan yang penting. Murid-murid digalakkan melibatkan diri secara aktif sebaliknya guru akan menjadi seorang yang akan memudahkan atau menunjukkan cara bagaimana pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh itu, dalam bilik darjah, guru merupakan penatar yang memimpin dan yang akan memandu murid-muridnya menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara kumpulan atau individu. Jika guru mahu menjadi penatar kepada muridnya, maka banyak masa akan diperuntukkan kepada aktiviti pembelajaran murid. Dengan kata lain, masa diberikan kepada murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran mereka. Mereka

bebas melakukan apa sahaja aktiviti pembelajaran tetapi dipandu oleh guru supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan menyeronokkan (Nik Hassan Basri, 2007b:262).

Jadi untuk merealisasikan konsep guru sebagai penatar, maka guru haruslah memiliki salah satu sifat dan ciri kepimpinan, iaitu yang bersifat demokratik. Dalam hal ini, peranan guru seharusnya tidak mementingkan kuasa atau bersifat autokratik. Jika guru bersifat sedemikian, maka muridnya tidak akan berpeluang untuk memberi dan meluahkan pendapat. Malah kemungkinan besar muridnya tidak akan berani untuk memberi dan mengemukakan idea mereka semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu, guru haruslah banyak menggunakan kaedah perbincangan. Dengan demikian, objektif pembelajaran murid tercapai (*Ibid*).

Seperkara lagi, kalau guru mahu menjayakan konsepnya sebagai penatar, maka guru haruslah berupaya membentuk kumpulan perbincangan yang baik antara murid-muridnya. Hal ini bertujuan untuk mengetahui kemampuan mereka berbincang bagi mencapai objektif sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Biasanya, dalam aktiviti pembelajaran secara kumpulan murid-murid dapat menguasai kemahiran yang tertentu mengikut kadar pembelajaran yang sepadan dengan kebolehan mereka. Malah, dalam aktiviti pembelajaran kumpulan yang dirancang, ada dua kaedah yang biasa digunakan untuk membentuk kumpulan murid. Kumpulan pertama ialah kumpulan yang kebolehan murid-muridnya hampir sama. Kumpulan yang kedua ialah kumpulan yang kebolehan dan kecenderungan murid-muridnya yang kepelbagaiannya. Kumpulan yang pertama dikenali sebagai kumpulan mengikut kebolehan, manakala kumpulan yang kedua pula dikenali sebagai kumpulan pelbagai kebolehan.

Bagi kumpulan yang kedua ini murid-murid dipisahkan kepada beberapa kumpulan supaya setiap kumpulan mengandungi murid-murid yang ada berbagai-bagai kebolehan dan kecenderungan, iaitu yang terdiri daripada murid-murid cerdas, sederhana dan lambat. Dengan itu, segala aktiviti yang diatur dapat dilaksanakan dengan mudah dan sesuai. Antara aktiviti pembelajaran adalah seperti simulasi, projek, permainan, perbincangan, jual beli dan sebagainya. Kesemua aktiviti yang dirancang bagi kumpulan ini memerlukan bimbingan daripada murid-murid yang cerdas dengan pemantauan guru.

Berbalik kepada kumpulan yang pertama, tujuannya adalah untuk membolehkan murid-murid belajar mengikut kadar pembelajaran dan kebolehan diri sendiri. Hasil kajian yang dijalankan membuktikan bahawa melalui aktiviti pengayaan, murid-murid cerdas terus maju, manakala murid-murid lambat dapat menguasai kemahiran asas melalui

aktiviti pemulihan. Cara seumpama ini mampu untuk membantu dan membolehkan guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan kumpulan serta memudahkannya memberi bimbingan. Hal ini kerana melalui aktiviti berkumpulan ini, setiap orang murid akan beroleh peluang untuk mengembangkan potensi masing-masing, khususnya yang berkaitan dengan potensi intelek, rohani dan sosial secara menyeluruh. Antara aktiviti pembelajaran yang sesuai dilaksanakan bagi kumpulan ini adalah seperti projek, permainan, simulasi, dan perbincangan. Melalui aktiviti-aktiviti seumpama ini, murid-murid yang cerdas boleh membantu murid-murid yang lembab. Dengan demikian, melalui kaedah ini bakat kepimpinan murid-murid cerdas dapat dikembangkan serta nilai-nilai murni seperti semangat bekerjasama, bertimbang rasa, bertanggungjawab dan toleransi yang dapat dipupuk. Oleh itu, guru perlu menjadikan dirinya seorang penatar yang demokratik (Nik Hassan Basri, 2007b:263).

## GURU SEBAGAI PENCERITA

Guru ialah pencerita. Guru perlu menjadi pencerita kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru bertanggungjawab untuk memerikan kembali sesuatu yang indah. Seseorang guru yang kreatif akan menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran untuk menyampaikannya (Nik Hassan Basri, 2005:250).

Sebagai pencerita, guru boleh menggunakan pelbagai cara, misalnya menggunakan *Huraian Sukatan Pelajaran* sebagai rujukan untuk mengenal pasti cerita yang terbaik untuk disampaikan kepada murid. Melalui penceritaan lazimnya pengajaran akan menjadi lebih menarik dan murid-murid akan memberi perhatian terhadap pelajaran. Melalui penceritaan juga, keberkesanan sesuatu pengajaran adalah tinggi. Guru-guru yang menggunakan pendekatan ini juga lazimnya lebih disenangi (Nik Hassan Basri, 2007b:265). Ini membuktikan bahawa aktiviti bercerita ialah salah satu pendekatan yang sesuai digunakan untuk membina kecekapan berbahasa kerana aktiviti bercerita boleh menarik minat dan perhatian murid.

Melalui aktiviti bercerita, guru dapat menyempurnakan latihan pemahaman, perluasan perbendaharaan kata dan tatabahasa dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan secara bercerita mampu mengelakkan perasaan bosan dalam kalangan murid semasa belajar. Malahan, pengajaran melalui bercerita juga mampu meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam kalangan murid.

Dalam melaksanakan aktiviti bercerita ini, guru haruslah memberi perhatian kepada perkembangan cerita, iaitu peringkat permulaan, kemuncak dan kesudahan cerita.

Di samping itu, perhatian perlu juga diberi kepada beberapa perkara seperti teknik persembahan, suara, gerak laku dan kawalan mata. Hal ini kerana suara memainkan peranan yang penting. Guru harus tahu mengawal suara supaya jangan mendatar dan tidak pula menimbulkan kebosanan. Seseorang guru yang menggunakan penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran, lazimnya akan bertindak memilih cerita yang sesuai dengan umur, kecerdasan dan minat murid-murid. Kemudian, disesuaikan pula dengan isi pelajaran yang hendak disampaikannya (*Ibid*).

Penyampaian sesuatu cerita juga perlu diserapkan dengan pelbagai nilai murni dan mempunyai pengajaran tertentu, di samping aspek bahasa yang lain. Dalam hal ini, guru harus memilih dan menghafal frasa-frasa tertentu yang dianggapnya penting untuk disampaikan kepada para murid agar pengajarannya menjadi lebih berkesan dan bermakna. Dengan itu, guru harus membiasakan diri berlatih bercerita dan dapat membayangkan dirinya seolah-olah berada di hadapan murid-murid. Sebaik-baiknya sebelum bercerita guru telah melakukan senaman pernafasan, iaitu menarik nafas yang panjang sekurang-kurang tiga kali. Hal ini boleh dilakukannya beberapa saat sebelum bercerita. Dengan itu, seseorang guru perlu berada dalam keadaan selesa semasa menceritakan sesuatu cerita agar objektif pengajarannya pada hari itu tercapai (Nik Hassan Basri, 2007b:266).

Pada masa menyampaikan cerita, guru boleh menggunakan pelbagai alat bantu seperti gambar, objek-objek sebenar atau yang sebagainya, di samping menyediakan kad-kad perkataan, frasa-frasa atau ayat-ayat yang berkaitan dengan aspek-aspek bahasa yang hendak disampaikan. Dengan demikian, segala yang ingin disampaikannya akan menjadi lebih berkesan dan jaya (Nik Hassan Basri, 2009:266). Selain itu, guru perlu juga memastikan perkataan dan ayat yang digunakan untuk bercerita boleh difahami oleh murid. Hal ini kerana tujuan bercerita adalah untuk menyampaikan isi atau maknanya, di samping membiasakan murid dengan diki dan gaya bahasa. Ringkasnya, guru sebagai pencerita haruslah memastikan bahawa isi cerita harus disampaikan kepada murid dengan gerak geri secara semula jadi. Selepas bercerita, guru haruslah bersedia bahawa aktiviti susulan harus juga disediakan, misalannya aktiviti soal jawab tentang tema dan persoalan serta nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita yang disampaikannya itu (Ashby, E., 2011b).

Seterusnya, seseorang guru yang akan menjalankan kaedah bercerita ini perlu merancang dan mengurus aktiviti bercerita. Biasanya, aktiviti bercerita mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian perancangan, bahagian bercerita dan bahagian penutup (Nik Hassan Basri, 2007b:266).

Pada bahagian yang pertama, guru perlu memilih cerita yang sesuai. Pemilihan itu hendaklah berasaskan kepada beberapa kriteria. Antaranya, tema dan persoalan cerita yang dipilih haruslah mempunyai nilai akhlak yang murni. Di samping itu, guru perlu memastikan isi cerita hendaklah menarik dan perkataan yang digunakan hendaklah sesuai dengan pengalaman murid. Panjang pendek cerita yang dipilih hendaklah sepadan dengan peruntukan masa bercerita. Dalam bahagian yang pertama ini, selepas cerita dipilih, guru haruslah cuba menghafal isi pentingnya dan bercerita secara sendiri sekurang-kurangnya sekali. Di samping itu, guru harus menyediakan alat bantu mengajar yang berkaitan seperti kad perkataan, kad gambar dan topeng yang perlu digunakan untuk murid-murid berlakon selepas bercerita. Beberapa soalan perlu disediakan untuk menguji kefahaman murid selepas sesi bercerita.

Pada bahagian yang kedua, sebelum memulakan cerita, guru haruslah memastikan tempat duduk murid tersusun dan sesuai agar setiap murid dapat mendengar cerita guru dengan baik dan melihat ekspresi guru. Di samping itu, eloklah pentas yang akan digunakan untuk bercerita itu dihiaskan dengan alat-alatan yang sesuai seperti gambar-gambar yang ada kaitannya dengan cerita yang akan disampaikan dan sesuai pula dengan isi cerita supaya murid-murid dapat merasakan suasana dan latar yang seakan-akan dengan latar yang ada dalam alam cerita itu. Semasa bercerita, guru haruslah memulakan induksi setnya dengan mengemukakan beberapa pertanyaan serta memperkenalkan tajuk cerita. Kemudian, guru meneruskan langkah-langkah yang lain dengan menggunakan teknik bercerita yang menarik dan kreatif, di samping menyampaikan isi kandungannya dengan gaya yang tersendiri, yang tidak membosankan dan yang menarik (Ashby, E., 2011b). Semasa bercerita guru boleh menggunakan memek muka, suara, gaya dan alat bantu mengajar yang dapat menarik perhatian serta membantu murid-murid memahami keseluruhan isi cerita yang disampaikannya. Semasa guru bercerita, elok dipastikan bahawa setiap murid telah mengambil perhatian dan melibatkan penumpuan secara sepenuhnya. Guru juga boleh melibatkan murid dalam sesi bercerita dengan menggunakan soalan-soalan membimbing mereka mengikut perkembangan cerita dari peringkat permulaan sehingga peringkat penutup (Nik Hassan Basri, 2007c:253).

Pada bahagian penutup, guru boleh menggunakan aktiviti susulan. Antaranya ialah membincangkan persoalan dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita yang disampaikannya. Guru juga perlu memastikan bahawa murid-muridnya dapat menyerapkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita yang didengarnya. Terdapat

pelbagai aktiviti penutup boleh digunakan dalam bahagian ini seperti menyampaikan murid-murid tentang isi-isi cerita yang disampaikan, menyuruh murid-murid mengulang isi cerita dengan menggunakan perkataan sendiri, berbincang dengan murid-murid tentang tema dan nilai murni yang terkandung dalam isi cerita dan banyak lagi (Ashby, E., 2011a). Oleh itu, guru harus menjadi pencerita yang mampu menyampaikan dan mengolahkan cerita dengan baik lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan murid-murid (Nik Hassan Basri, 2007b:267).

## KESIMPULAN

Guru bertanggungjawab membakar semangat warga agar bangun dan menjadi penerus perjuangan bangsa dan negara. Guru berperanan sebagai peneraju, pemimpin dan pemegang kunci transformasi. Untuk menjadi peneraju perubahan, guru harus terlebih dahulu melakukan transformasi dari dalam diri guru itu sendiri. Guru harus bersedia untuk meletakkan keutamaan diri didahului agar dicontohi dan menjadi model cerminan mahajana. Malahan, sekali guru melakukan transformasi dalam dirinya, seterusnya roda perubahan akan bergerak dengan sendirinya. Jadi, guru harus secara ikhlas bersedia untuk memikul tanggungjawab negara dalam mentransformasikan warga Malaysia agar selari dengan matlamat negara, iaitu melahirkan insan kamil yang berilmu, berpengetahuan, berkemahiran berketerampilan demi keluarga, bangsa, agama dan negara. Lebih-lebih lagi, kualiti pendidikan sesebuah bangsa atau warga itu bergantung pada kualiti gurunya dan kualiti guru pula ditentukan oleh kemauan, keinginan dan niat guru itu sendiri. Pendeknya, jelaslah guru mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai peneraju transformasi warga Malaysia andai kata niatnya itu dilaksanakan dengan betul, maka semua persoalan pembinaan warga yang bermutu dapat diselesaikan. Dengan yang demikian, peranan guru sebagai peneraju transformasi warga Malaysia tidak diragui lagi.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid, M. dan Nik Hassan Basri, N.A.K, 2007. "Kemahiran Belajar Cara Belajar. blm. *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu Jilid 3*. Tanjung Malim: Jabatan Bahasa Melayu, UPSI.
- Ahmad, R. et. al, 2009. *Dari Guru Konvensional Menuju Guru Profesional*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Andrews, D. & Lewis, M, 2002. "The Experience of a Professional Community: Teachers Developing a New Image of themselves and Their Workplace" Dlm. *Educational Research*. 44(3): Hlm. 237-254.

- Ashby, E., 2011a. "The Structure of Higher Education: A World View". Dlm. *Higher Education Volume 2* (2): 142-151 DOI: 10.1007/BF00137744. <http://www.springerlink.com/content/u064h53154081346/>: Dicapai pada 27 Oktober 2011.
- Ashby, E., 2011b. "The Implication of Mass Higher Education. In: The Structure of Higher Education: A World View." *Higher Education*. 42-151, DOI: 10.1007/BF00137744. <http://www.springerlink.com/content/u064h53154081346/>: dipetik pada 9-10-2011.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2005. *Citra Komsas*. Tg. Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2007a. *Komsas dan Tatabahasa Melayu Teras Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: Icon Region Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2007b. *Komsas Pegangan Teras Keterampilan*. Kuala Lumpur: Icon Region Sdn Bhd.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2007c. "Pendekatan Pembelajaran Kontekstual" Dlm. *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu, Kemahiran Bernilai Tambah, Jilid 3*. Tanjung Malim: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, UPSI.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2009. *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa Edisi Kedua*. Tg. Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2011a. "Komsas Teras Transformasi Pendidikan Bahasa Melayu". *Sastera Membina Peradaban Bangsa - Prosiding Konferensi Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia*. Anjuran Jabatan Bahasa dan Kesusteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan kerjasama Persatuan Penulis Budiman Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, UPSI pada 2-3 Disember 2011.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2011b. "Pemerkasaan Bahasa Melayu Melalui Komsas". Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Komsas*, di Auditorium Utama, UPSI pada 11 April 2011.
- Nik Hassan Basri, N.A.K., 2011c. "Pengajaran Komsas Dengan Pendekatan Pembelajaran Pragmatik". Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa Melayu Ke-4*. Anjuran Jabatan Bahasa dan Kesusteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, di Auditorium Utama , UPSI pada 20-22 Oktober 2011.
- Nordin, K., 2011. "Konsep Universiti dan Aplikasinya di Malaysia." Dlm. *Global Journal Al Thaqafah*. 1(1): Hlm. 43-55.
- Sehijau Warna Daun: Antologi Kesusteraan Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 1*, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Seuntai Kata Untuk Dirasa: Antologi Kesusteraan Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 2*, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.